



PERUTUSAN DATUK BANDAR

MESYUARAT MAJLIS BIL. 10/2025

31 OKTOBER 2025 (8 JUMADAL ULA 1447H)

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Malaysia MADANI, Salam Kita Selangor dan Salam Petaling Jaya
Bandar Paling Bahagia dan Mampan.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi di atas segala limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama menghadiri Mesyuarat Majlis pada hari ini. Selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW, keluarga Baginda, para sahabat dan bagi mereka yang mencontohi Baginda SAW.

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri, Penyelaras DUN Taman Medan, Ahli-ahli Majlis, Timbalan Datuk Bandar, Timbalan Setiausaha Pengurusan, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai serta warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya atas kerjasama yang baik diberikan kepada saya dalam mentadbir urusan bandar raya Petaling Jaya.

Saya amat berharap, sokongan dan komitmen yang tuan/puan berikan ini sentiasa berterusan dalam usaha kita untuk menyediakan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat khususnya penduduk Petaling Jaya.

2. KOMITMEN BERSAMA UNTUK MEMPERKUKUH AGENDA EKONOMI KITARAN NEGARA

Malaysia terus melakar kejayaan di peringkat antarabangsa apabila menerima Anugerah Tertinggi Global daripada Zero Waste Foundation semasa Global Zero Waste Forum 2025 yang berlangsung di Istanbul, Turki, baru-baru ini. Penganugerahan berprestij ini merupakan pengiktirafan terhadap komitmen berterusan negara dalam merealisasikan agenda pembangunan mampan dan pendekatan sifar sisa selaras dengan prinsip ekonomi kitaran.

Selaras dengan penerimaan anugerah tersebut, baru-baru ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menganjurkan *ReThink 2025 Expert Talk: Malaysia's Solid Waste Circular Transition*.

ReThink 2025 merupakan sebuah platform strategik yang menghimpunkan pelbagai 250 pemegang taruh utama dalam bidang ekonomi kitaran iaitu merangkumi pembuat dasar, ahli akademik, pemain industri serta wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Melalui penyertaan pelbagai pihak berkepentingan ini, ia bukan sahaja membuka ruang kolaborasi rentas sektor malah memperkukuh

pertukaran ilmu, kepakaran dan amalan terbaik dalam usaha memperkasa pembangunan ekonomi kitaran di Malaysia. Selain daripada itu, semua pemegang taruh diseru untuk memikir semula (rethink) cara terbaik dalam menguruskan sumber, pengeluaran, penggunaan dan sisa secara mampan.

MBPJ melihat pembangunan ekonomi kitaran sebagai suatu agenda transformasi nasional yang berpotensi mempergiat momentum pelaksanaan ekonomi kitaran di Malaysia. Inisiatif ini sejajar dengan aspirasi Kerajaan MADANI yang menekankan prinsip kemampanan, kesejahteraan sosial dan pertumbuhan ekonomi hijau sebagai teras pembangunan negara.

MBPJ komited untuk terus memperkukuh kerjasama strategik antara kerajaan, industri, pemegang taruh dalam merealisasikan agenda ekonomi kitaran negara. Usaha berterusan ini diharap dapat memastikan negara kekal berada di landasan yang kukuh menuju ke arah masa depan yang lebih bersih, hijau dan berdaya tahan, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI dan matlamat pembangunan mampan negara.

3. MBPJ SEDIA RANCANGAN KAWASAN KHAS PERKUKUH PERANAN PETALING JAYA SEBAGAI HAB PELABURAN DAN EKONOMI SELANGOR

Petaling Jaya bakal muncul sebagai hab ekonomi strategik berteraskan industri berteknologi tinggi dan semikonduktor apabila Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) memperkenalkan Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Seksyen 19, 51 dan 51A dengan nilai pembangunan kasar (GDV) melebihi RM1.7 bilion.

MBPJ telah melaksanakan Program Publisiti Awal di bawah Seksyen 12A, Akta 172 selama empat minggu bermula pada 30 April 2024 hingga 30 Mei 2024, dan menerima sebanyak 56 borang maklum balas daripada orang awam, agensi kerajaan, komuniti serta pihak berkepentingan.

Antara isu yang dikemukakan termasuk pengezonan semula guna tanah, menaik taraf jalan dan persimpangan, kawalan pembangunan dan garis panduan serta pandangan terhadap Local Agenda 21, penyediaan *Smart Tunnel*, konsep Privately Own Public Space (POPS), Kawasan Lapang dan lain-lain.

Draf RKK ini disediakan secara terperinci berasaskan lot (lot-based) yang merangkumi aspek guna tanah, lalu lintas, pengangkutan awam, kemudahan masyarakat, kawasan hijau serta perancangan pembangunan menyeluruh selaras dengan hala tuju Pintar, Mampan dan Berdaya tahan.

Kawasan kajian meliputi 406 hektar (4.06 km² / 1,003 ekar) yang merangkumi Seksyen 19, 51 dan 51A dengan jumlah penduduk seramai 24,105 orang. Seksyen 19 didominasi oleh aktiviti komersial, manakala Seksyen 51 dan 51A lebih tertumpu kepada sektor perindustrian. Antara cadangan utama Draf RKK ialah:

- a) Mengekalkan Seksyen 19, 51 & 51A sebagai Pusat Pertumbuhan Ekonomi Utama Selangor dengan fokus kepada industri berteknologi tinggi dan semikonduktor.
- b) Pengezonan semula guna tanah bagi pelbagai kegunaan termasuk perdagangan, institusi kerajaan, pembangunan bercampur dan institusi keagamaan.
- c) Penetapan intensiti pembangunan dengan nisbah plot khusus mengikut zon guna tanah dan keluasan tanah.
- d) Menerapkan Konsep Privately Owned Public Space (POPS) iaitu penyediaan ruang awam milik persendirian yang boleh diakses oleh orang ramai tetapi di miliki, dibangunkan dan diselenggara oleh pihak swasta dengan menawarkan insentif tambahan nisbah plot.
- e) Cadangan perumahan di Zon Transit Oriented Development (TOD) di Stesen KTM Taman Dato' Harun Seksyen 51 Petaling Jaya dan cadangan pembangunan bercampur di Stesen LRT Asia Jaya Seksyen 51A Petaling Jaya.

- f) Penambahbaikan mobiliti melalui jalan baharu, *underpass*, *directional ramp* dan koridor hijau untuk pejalan kaki, basikal serta mikromobiliti.
- g) Penyediaan komponen bandar pintar (Smart City), *Smart Street Poles*, WiFi awam berkelajuan tinggi.

Pewartaan RKK ini dijangka akan memacu ekonomi Petaling Jaya dengan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM1.76 bilion, di samping menjana hasil tambahan melalui caj pemajuan, cukai taksiran dan fi Kebenaran Merancang.

Ia juga merupakan inisiatif perancangan strategik yang amat penting bagi MBPJ dalam merangka hala tuju pembangunan bandar raya secara komprehensif dan turut memberi penekanan terhadap kesejahteraan masyarakat setempat serta kelestarian alam sekitar.

4. PETALING JAYA PERINTIS PELAKSANAAN PELAN EKONOMI PENJAGAAN CARE ECONOMY PERTAMA DI SELANGOR

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mencipta sejarah sebagai pihak berkuasa tempatan pertama di Selangor melaksanakan Pelan Tindakan Ekonomi Penjagaan Petaling Jaya 2025–2030, satu inisiatif strategik yang memperkukuh kesejahteraan sosial dan ekonomi bandar raya.

Pelan ini dirancang bagi menyokong Dasar Ekonomi Penjagaan Negeri Selangor (DEPNS) 2024–2030, yang menumpukan kepada pembangunan ekosistem penjagaan inklusif, mampan dan responsif terhadap keperluan rakyat, khususnya kanak-kanak, warga emas dan golongan OKU. Melalui pelaksanaan ini, sektor penjagaan dilihat bukan sahaja sebagai khidmat sosial, tetapi juga pemangkin pertumbuhan baharu yang berasaskan nilai kemanusiaan, peluang pekerjaan, pelaburan sosial dan inovasi.

Komitmen MBPJ ini diterjemahkan melalui usaha membina Bandar Penjagaan Inklusif — bandar yang maju, lestari dan berjiwa penyayang. Dengan populasi melebihi 820,000 orang dan kepadatan lebih 8,311 penduduk setiap kilometer persegi, Petaling Jaya berdepan cabaran sosial dan ekonomi penjagaan yang signifikan melibatkan warga emas, wanita bekerja dan penjaga tidak formal.

Bagi menangani cabaran ini, MBPJ membangunkan pelan tindakan secara kolaboratif melalui bengkel bersama pengusaha pusat jagaan, penjaga formal dan informal, NGO, agensi kerajaan serta pakar teknikal. Pelan ini berfungsi sebagai panduan strategik bagi menggerakkan sistem penjagaan yang lebih efisien, selamat dan berimpak tinggi.

Pada masa ini, terdapat 147 taska, 108 pusat jagaan kanak-kanak, kebajikan dan OKU serta 70 rumah warga emas yang beroperasi dan MBPJ akan terus bekerjasama dengan agensi berkaitan bagi

meningkatkan tahap pematuhan serta memperluas akses kepada perkhidmatan penjagaan berkualiti. Pelan Tindakan Ekonomi Penjagaan Petaling Jaya berteraskan empat tunjang utama pelaksanaan iaitu:

- a) Penambahbaikan garis panduan operasi pusat jagaan;
- b) Program latihan dan pensijilan penjaga profesional;
- c) Insentif kepada institusi penjagaan berkualiti tinggi; dan
- d) Galakan pelaburan serta inovasi dalam perkhidmatan penjagaan sosial.

Selaras dengan *National Ageing Blueprint 2025–2045* dan aspirasi Malaysia Madani, MBPJ akan terus memperkukuh peranan sebagai pelaksana dasar penjagaan perintis di peringkat tempatan. Melalui sinergi bersama kerajaan, sektor swasta, NGO dan komuniti setempat, Petaling Jaya berpotensi muncul sebagai model nasional bagi pembangunan ekonomi penjagaan yang mampan, inklusif dan berdaya tahan, demi kesejahteraan seluruh lapisan masyarakat bandar raya.

5. MBPJ PERKENAL INISIATIF PLANNING APPROVAL (PA24) – KEBENARAN MERANCANG DALAM TEMPOH 24 JAM

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah memperkenalkan Inisiatif PA24: Kebenaran Merancang dalam Tempoh 24 Jam, satu langkah transformasi dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam yang bertujuan mempercepatkan proses kelulusan pembangunan.

Inisiatif yang telah dibangunkan dengan kerjasama strategik antara Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP), Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) ini akan mengurangkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang daripada 42–98 hari kepada hanya 24 jam.

PA24 bukan sahaja memperkemas prosedur kelulusan, malah memperkukuh kecekapan pentadbiran, tadbir urus baik, serta budaya kerja berasaskan inovasi dan teknologi. Pembangunan sistem permohonan atas talian berasaskan kecerdasan buatan (AI) juga turut dirangka bagi meningkatkan kecekapan serta ketelusan proses.

Pelaksanaan awal ini akan memberi tumpuan kepada pembangunan berskala kecil seperti binaan baharu, roboh dan bina semula, serta pindaan satu unit rumah sesebuah. Inisiatif ini dijangka memberi manfaat kepada pemohon melalui penjimatan masa dan kos, di samping menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi tempatan serta peningkatan hasil cukai pintu MBPJ.

PA24 turut menekankan aspek kompetensi profesional, penyediaan dokumen teknikal yang seragam, serta penglibatan awal pemilik tanah berjiran dalam proses permohonan.

Selaras dengan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam Negara (ARPA), Kerangka Reformasi Sistem Penyampaian dan Tadbir Urus Negeri Selangor (RSTU), dan Dasar SPEED Selangor, PA24 mencerminkan komitmen MBPJ terhadap penyampaian perkhidmatan

awam yang cekap, telus dan berimpak tinggi.

Dengan pelaksanaan PA24, MBPJ berhasrat menjadikan Petaling Jaya sebuah bandar raya pintar, mampan dan berdaya tahan, serta menjadi penanda aras nasional bagi transformasi sistem kelulusan pembangunan berasaskan digital dan tadbir urus yang baik.

6. BULAN BAHASA KEBANGSAAN 2025

Bulan Bahasa Kebangsaan 2025 yang diraikan setiap bulan Oktober merupakan inisiatif nasional yang menzahirkan komitmen berterusan kerajaan dalam memperkukuh kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan negara.

Sambutan ini bukan sekadar perayaan budaya, tetapi suatu manifestasi jati diri serta simbol kedaulatan bangsa yang menjadi teras kepada pembinaan negara Malaysia yang beridentiti dan bersatu padu dalam masyarakat majmuk.

Selaras dengan aspirasi Dasar Kebangsaan Bahasa yang menekankan penggunaan bahasa Melayu secara menyeluruh, pelaksanaannya memberi fokus kepada usaha memperluas penggunaan bahasa kebangsaan dalam pelbagai bidang – termasuk pentadbiran, pendidikan, teknologi, serta komunikasi korporat.

Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan 2025 Peringkat Kebangsaan yang disempurnakan oleh Dato' Menteri Besar Selangor antara lain menegaskan bahawa Bahasa Melayu merupakan khazanah

perpaduan, lambang jati diri dan simbol kesetiaan kepada negara. Penguasaan bahasa kebangsaan sentiasa menjadi keutamaan kerajaan kerana juga memainkan peranan yang sangat penting dalam menyatukan rakyat serta membentuk jati diri bangsa Malaysia.

Bahasa Melayu wajar diperkasa melalui sektor ekonomi dan industri kreatif seperti bidang muzik, filem, sastera dan animasi tempatan bagi menjadikannya sebagai kuasa lembut yang memperkenalkan Malaysia di persada dunia.

Majlis akan terus menyokong inisiatif memperkasa Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang menjadi lambang jati diri bangsa. Majlis turut komited mendaulatkan bahasa kebangsaan dengan mematuhi Akta 32 dalam semua urusan rasmi termasuk penamaan tempat, jalan dan papan tanda awam selari dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor.

Majlis ingin menegaskan bahawa, merujuk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di bawah peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Perkara 152 : Bahasa Kebangsaan – Bahasa Kebangsaan ialah Bahasa Melayu dan hendaklah dalam tulisan yang diperuntukkan mengikut undang-undang oleh Parlimen dan Undang-Undang Kecil Iklan (MBPJ) 2007, perkara 3 (Bahasa Iklan) (1) “Bahasa Kebangsaan hendaklah digunakan dalam semua iklan sama ada secara sendiri atau dengan mana-mana Bahasa lain dan di bawah perkara 3 (Bahasa Iklan) (2), jika Bahasa Kebangsaan digunakan bersama dengan Bahasa lain dalam sesuatu

iklan, perkataan dalam Bahasa Kebangsaan hendaklah Berukuran tiga puluh peratus lebih besar daripada Bahasa lain, Diutamakan dari segi kedudukan dan Digunakan dengan nahu yang betul”.

Majlis turut menerima anugerah Watikah Citra Sahabat DBP sebagai salah satu rakan strategik dalam memperkasa dan memartabatkan penggunaan bahasa Melayu bagi menyemai rasa cinta terhadap bahasa di peringkat tempatan.

7. MBPJ RAIH ANUGERAH AIGA 2025

MBPJ melakar kejayaan sebagai penerima Anugerah Gangsa sempena Majlis Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2025 yang telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia.

AIGA 2025 merupakan platform berprestij yang meraikan kecemerlangan serta komitmen padu organisasi awam dan swasta dalam memperkukuh pembudayaan nilai integriti, tadbir urus terbaik dan usaha antirasuah.

Majlis ini turut menjadi manifestasi kepada kesungguhan pelbagai pihak dalam memperkasakan akauntabiliti, ketelusan dan kebertanggungjawaban demi sistem penyampaian perkhidmatan negara yang lebih berintegriti.

Penyertaan MBPJ dalam AIGA menjadi penanda aras penting bagi menilai dan memperkukuh budaya integriti, amalan tadbir urus terbaik serta inisiatif pencegahan rasuah di peringkat organisasi. Ia juga menjadi wadah untuk mencungkil keupayaan, kesungguhan dan komitmen warga kerja MBPJ dalam mempertingkatkan sistem kawalan dalaman serta pengurusan beretika.

8. KUTIPAN SAMPAH DOMESTIK DAN PEMBERSIHAN AWAM

Kontrak perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik dan Pembersihan Awam di antara MBPJ dan KDEBWM tamat bagi tempoh tujuh (7) tahun (1 Ogos 2018 – 31 Julai 2025).

Merujuk kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 19/2022 yang diadakan pada 10 Ogos 2022 yang telah disahkan oleh MMKN Ke 20/2022 pada 24 Ogos 2022, berkenaan Cadangan Pelanjutan Kontrak KDEB Waste Management Sdn. Bhd. (KDEBWM) sebagai Project Management Company (PMC) bagi menguruskan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam secara holistik di semua kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri Selangor bersetuju agar KDEBWM sebagai 'PMC' untuk tempoh tujuh (7) tahun yang akan datang sebaik sahaja kontrak sedia ada tamat di seluruh Selangor.

Pada 4 Julai 2025, KDEBWM telah memohon penundaan pelaksanaan tarikh kontrak baharu daripada 1 Ogos 2025 hingga 31 Julai 2032 kepada 1 November 2025 hingga 31 Oktober 2032 bagi membuat

persediaan yang mencukupi untuk tempahan lori baharu, penyediaan dan pengurusan tender terbuka, serta penyelarasan penyediaan tenaga kerja yang mencukupi bagi pelaksanaan perkhidmatan pengurusan.

Bagi tempoh tujuh (7) tahun pertama iaitu pada 1 Ogos 2018 sehingga 31 Julai 2025, kos kerja-kerja perkhidmatan kutipan sampah domestik dan pembersihan awam adalah sebanyak RM 55,270,000.00 setahun. Sehingga 1 April 2025, sebanyak sepuluh (10) kelulusan perubahan arahan kontrak telah diberikan kepada KDEBWM yang melibatkan pertambahan inventori kawasan dengan peningkatan kos sebanyak 8.23 peratus menjadikan nilai baru kontrak sebanyak RM 59,820,031.68 setahun.

Satu Jawatankuasa Rundingan Harga telah bersidang bersama wakil KDEBWM bagi mendapatkan persetujuan harga perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Dan Pembersihan Awam di Majlis Bandaraya Petaling Jaya bagi tempoh tujuh (7) tahun bermula pada 1 November 2025 hingga 31 Oktober 2032 dan hasil rundingan tersebut telah bersetuju dengan kos perkhidmatan sebanyak RM 67,902,034.08 setahun iaitu tambahan 13.51 peratus.

Bagi kontrak baru ini, KDEBWM telah membuat pecahan zon kawasan iaitu perkhidmatan kutipan domestik sebanyak 59 zon dan perkhidmatan pembersihan awam sebanyak 88 zon kawasan. KDEBWM juga akan menyediakan 150 buah lori bagi menjalankan

perkhidmatan di Petaling Jaya yang terdiri daripada 56 buah lori kompaktor, 6 buah lori kompaktor mini dan 88 buah lori RORO.

9. SIAP SIAGA DAN PERSEDIAAN HADAPI BENCANA

MBPJ meningkatkan tahap kesiapsiagaan menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) susulan pengumuman Jabatan Meteorologi Malaysia mengenai permulaannya pada awal November. Antara langkah utama yang dilaksanakan adalah:

- a) Pengaktifan Bilik Gerakan Bencana MBPJ;
- b) Pemantauan lokasi hotspot melalui CCTV;
- c) Kesiapsiagaan 44 kenderaan operasi, 2 bot serta aset logistik;
- d) Penyediaan 23 Dewan Majlis sebagai Pusat Pemindahan Sementara (PPS);
- e) Penglibatan 31 pegawai dan anggota Skwad PANTAS dalam operasi bencana.

Kerja-kerja pembersihan longkang, saliran dan kawasan berisiko turut dipergiat sebagai langkah mitigasi. MBPJ turut menjalin kerjasama strategik bersama Pasukan SMART dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) melalui latihan serta program kesiapsiagaan peringkat negeri.

Bagi sebarang aduan atau maklumat berkaitan bencana, orang awam boleh menghubungi Bilik Gerakan Bencana MBPJ (03-7957 4113) atau Hotline MBPJ (03-7954 2020).

Mewakili MBPJ, saya ingin merakamkan ucapan takziah kepada seluruh ahli keluarga atas pemergian Allahyarham Tuan Hj. Syed Abd. Malek bin Syed A. Hamid Al Jafree, mantan Ahli Majlis penggal 2008-2011 yang telah kembali ke rahmatullah pada 21 Oktober 2025.

Didoakan agar roh Allahyarham dicucuri rahmat oleh Allah SWT, diampunkan segala dosa serta ditempatkan dalam kalangan hamba-Nya yang beriman dan beramal soleh dan solehah.

Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar:

(Iaitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: "Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali. (Al-Baqarah: 155-156)

Al-Fatihah.

Sekian, terima kasih